[Jad. 1, Borang I]

# MAJLIS BANDARAYA IPOH

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976
BORANG I
NOTIS JUALAN ATAU PINDAHMILIK
(Seksyen 160)

**Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja**

Rujukan: ____________

1. Rekod Senarai Taksiran dipinda oleh __________ pada __________
2. Rekod Cukai Taksir dipinda oleh __________ pada __________

DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA IPOH,
JALAN SULTAN ABDUL JALIL,
GREENTOWN,
30450 IPOH.

Saya / kami ______________________________

beralamat ______________________________

dengan ini memberi notis sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 mengenai yang berikut :

1. Hakmilik Pegangan (No. Suratan Hakmilik) - ______________________________

2. Perihal dan Tempat Letak Pegangan - Lot No ____________ Mukim ____________

   Alamat Harta : ______________________________

   ______________________________

3. Nama Pemindahmilik - ______________________________

   Nama Penerima pindahmilik - ______________________________

   No Kad Pengenalan / No. Syarikat - ______________________________

   Alamat Surat Menyurat ______________________________

   ______________________________

   No. Talipon ____________ / Email - ____________

4. Nombor atau Simbol Suratcara - Pers. ____________ Jilid ________ Helai ________

   Tarikh Suratcara di-daftarkan - ______________________________

5. Lain-lain hal - Harga beli ____________ Tarikh beli ____________

**NOTA: 1. SILA LAMPIRKAN SATU SALINAN FOTOSTAT SURAT HAKMILIK DAN SALINAN FOTOSTAT RESIT CUKAI TAKSIRAN YANG TERKINI**
**2. SETIAP PERMOHONAN DIKENAKAN CAJ PROSES RM 20.00**

Bertarikh __________ haribulan ______________ ,20 ______

______________________________
*Tandatangan*

*Nama:* ______________________________

*No. Kad Pengenalan:* ______________________________

# PENERANGAN

1. Mengikut Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171),

(1) Apabila sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihakberkuasa tempatan dijual atau dipindahmilik maka adalah menjadi kewajipan penjual atau pemindahmilik dan pembeli atau penerima pindahmilik dalam tempoh tiga bulan selepas jualan atau pindahmilik itu memberi notis mengenainya kepada pihakberkuasa tempatan dalam Borang I dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(2) Apabila pemunya sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihakberkuasa tempatan mati, maka adalah menjadi kewajipan orang yang menjadi pemunyanya melalui waris atau selainnya memberi notis mengenainya kepada pihakberkuasa tempatan dalam tempoh satu tahun selepas kematian itu dalam Borang J dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(3) Apabila diterima notis itu, pihakbcrkuasa tempatan boleh menghendaki dikemukakan suratcara mengenai pertukaran pemunyaan atau suatu salinannya yang diperakui.

(4) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindahmilik sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak-berkuasa tempatan adalah masih lagi bertanggungan mcmbayar semua kadar yang kena dibayar mengenai pcgangan itu dan melaksanakan segala kewajipan lain yang ditanggungkan oleh Bahagian ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil ke atas pemunya pegangan ini, yang kena dibayar atau akan dilaksanakan pada bila-bila masa sebelum notis mengenai pindahmilik itu diberi atau sehingga jualan atau pindahmilik itu telah direkodkan dalam buku pihakberkuasa tempatan itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam ini boleh menyentuh tanggungan pembeli atau penerima pindahmilik untuk membayar kadar-kadar mengenai pegangan itu atau untuk melaksanakan kewajipan itu, atau menyentuh hak pihakberkuasa tempatan untuk menuntut kadar itu atau untuk menguatkuasakan kewajipan itu di bawah Bahagian ini walaupun kadar itu kena dibayar atau kewajipan itu telah ditanggungkan sebelum notis mengenai jualan atau pindahmilik itu direkodkan.

(6) Tiap-tiap orang yang tidak memberi sesuatu notis boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

2. Satu Borang yang berasingan hendaklah digunakan untuk tiap-tiap satu harta. Borang- borang tambahan boleh diperolehi daripada Jabatan Penilaian, Majlis Bandaraya Ipoh.

3. Sila lampirkan satu salinan fotostat suratan hakmilik dan salinan fotostat Resit Cukai Taksiran yang terkini.

4. Pertolongan atau bantuan yang dikehendaki untuk mengisi Borang ini boleh didapati daripada Jabatan Penilaian, Majlis Bandaraya Ipoh atau dengan menalipon 2083333 sambungan 3309 dan 3314 pada waktu-waktu pejabat.

*Pengarah Penilaian Bandaraya,*
MAJLIS BANDARAYA IPOH